

Sistem sekolah kebangsaan diperhalusi

8th 13 DEC 2002

ALOR STAR, Khamis – Kerajaan sedang memperhalusi sistem pendidikan sekolah kebangsaan bagi memastikan institusi itu diterima rakyat semua kaum, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, siri mesyuarat diadakan untuk mencari pendekatan bagi mengubah persepsi rakyat yang menganggap sekolah kebangsaan hanya untuk pelajar Melayu.

“Kita mahu sekolah kebangsaan kekal menjadi pilihan semua kaum,” katanya ketika mengulas

hasil perbincangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beliau serta beberapa Menteri Kabinet dan pegawai tinggi kerajaan semalam mengenai isu sekolah kebangsaan.

Perbincangan itu turut dihadiri Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak; Timbalan Menteri Pendidikan; Datuk Abdul Aziz Shamsuddin dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Abdullah yang ditemui pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pelan Tindakan Kedah Maju

2010 dan majlis Hari Raya anjuran kerajaan negeri di sini hari ini, berkata mesyuarat itu diadakan bukan untuk merombak sistem pendidikan sekolah kebangsaan, sebaliknya untuk meneruskannya dengan cara yang lebih baik.

Bagaimanapun, beliau berkata, mesyuarat yang diadakan di pejabat Perdana Menteri belum mengambil sebarang keputusan.

“Belum ada keputusan, kita akan mesyuarat lagi. Kita bukan mengubah, tetapi membincangkan sistem sekolah kebangsaan,” katanya.

Mengenai tindakan Mara menarik balik pinjaman pendidikan 15 pelajar di Jordan yang terbabit dengan kes pergaduhan 15 November lalu dan tidak lagi bercadang menghantar pelajar ke negara itu, Abdullah berkata:

“Tentu ada sebab Mara terpaksa tarik balik bantuan selepas mendapat laporan dari negeri tertentu... itu adalah keputusan pentadbiran.”

Beliau berkata, keputusan itu juga tidak ada kaitan dengan hubungan dua hala di antara Malaysia dan negara berkenaan.